

14/05/2004

2 minggu untuk 10,000 remaja lapor diri

BANGI: Kira-kira 10,000 remaja yang gagal menghadiri Program Khidmat Negara (PKN) akan diberi tempoh dua minggu untuk melapor diri atau memohon penangguhan dan pengecualian daripada mengikuti program itu.

Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN), Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, berkata tarikh bermula tempoh dua minggu itu akan ditentukan dalam mesyuarat MLKN pada 25 Mei ini.

Katanya, selepas mengemas kini data remaja terbabit, nama mereka akan disiarkan dalam akhbar dan diminta melapor diri di pejabat pendidikan daerah (PPD) yang dikenal pasti di seluruh negara.

"Pegawai Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Kementerian Pertahanan akan bertugas di semua PPD terbabit untuk mendaftar dan membantu remaja terbabit mengemukakan permohonan bagi penangguhan atau pengecualian daripada mengikuti program itu.

"Bagaimanapun, hanya permohonan yang memenuhi syarat akan dipertimbangkan, sebelum MLKN menyediakan senarai terakhir remaja yang perlu mengikuti program berkenaan pada tarikh dan tempat yang akan ditetapkan pada mesyuarat yang sama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Siri Simposium Berkala II Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM), Universiti Utara Malaysia di Institut Latihan Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (ESSET) di sini, semalam.

Sebelum ini, MLKN memutuskan untuk mendakwa remaja terbabit di mahkamah kerana mengikut Akta Khidmat Negara, mereka yang terpilih tetapi tidak melaporkan diri tanpa sebarang sebab boleh didenda RM3,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya.

Kumpulan terbabit turut meliputi remaja yang gagal dikesan untuk disampaikan surat bagi menyertai program berkenaan.

Daripada hampir 10,000 remaja itu, 2,700 sudah dihubungi tetapi tidak mendaftar, manakala selebihnya tidak dapat dihubungi.

Ahmad Fawzi berkata, senarai akhir pelatih PKN, iaitu selepas mengetepikan remaja yang dibenarkan menangguh dan dikecualikan daripada program itu, akan disiarkan dalam akhbar supaya mereka maklum tarikh dan lokasi untuk menjalani latihan.

Katanya, kelewatan tindakan terhadap remaja terbabit kerana MLKN belum memutuskan lokasi kem yang akan digunakan kumpulan remaja terbabit.

"Kita akan menentukan kem yang sesuai kerana mulai 15 Jun ini, semua institusi pengajian tinggi awam dibuka semula, bagaimanapun sama ada kita akan menggunakan 41 kem sedia ada atau memilih kem lain untuk kumpulan ini akan ditentukan pada mesyuarat itu," katanya.

Selain itu, katanya, mesyuarat MLKN itu akan membincangkan dengan terperinci bagi memperbaiki sistem pengangkutan, masalah disiplin dan keselamatan pelatih program berkenaan.

Katanya, hasil pemantauan setakat ini mendapati, koordinasi antara kem komandan dan pegawai PKN penting untuk membantu mencapai matlamat pelaksanaan program itu.

Beliau berkata, analisis kumpulan pertama PKN akan membantu majlis berkenaan untuk memperbaiki pengendalian program berkenaan bagi kumpulan seterusnya.

Malah, katanya, jawatankuasa pemantau peringkat negeri yang diketuai Exco Belia dan Sukan turut diberi mandat untuk mengemukakan laporan bebas berhubung pelaksanaan program itu.

(END)